

Buletin Perpustakaan 2016

Kolej Matrikulasi Melaka



LAWATAN AKADEMIK KE PPAS SHAH ALAM DAN PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SHAH ALAM



LAWATAN AHLI
KELAB SAHABAT
KMNS

M/S4-5



PROGRAM
DERMA DARAH

M/S7



AKTIVITI
EXPLORACE@
LIBRARY

M/S10-11



PROGRAM
JOMBACA
BERSAMA

M/S15



PEGAWAI & STAF 2016 UNIT PERPUSTAKAAN

Isi Kandungan

- 3 Sekapur Sirih
- 4 Lawatan Kelab Sahabat KMNS
- 7 Program Derma Darah UKD
- 8 Pameran & Jualan Buku BB1M
- 10 Aktiviti Explorace@Library
- 12 Lawatan Akademik ke PPAS Shah Alam
- 15 Program Jom Baca Bersama
- 16 Pameran & Jualan Buku KMM
- 17 Lawatan Ke PBAKL 2016, Lokasi Peperiksaan MUET, Program Team Maxel, Lokasi Bengkel Kerja Pemeriksaan Skrip Jawapan,
- 19 Karnival Pendidikan Kerjaya
- 20 Aktiviti Staf Unit Perpustakaan
- 21 Pameran Umum

Sekapur Sirih

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Salam perkenalan dalam edisi tahun 2016 Buletin Perpustakaan KMM. Pada tahun 2016, Unit Perpustakaan telah melaksanakan pelbagai aktiviti yang melibatkan pelajar KMM. Antara aktiviti yang dianjurkan seperti Explorace@Library, Lawatan Kelab Sahabat KMNS, Lawatan Akademik ke PPAS Shah Alam, Pameran dan Jualan Buku BB1M, Pameran dan Jualan Buku sempena Karnival Pendidikan Kerjaya, Program Derma Darah, Pameran Kartun Ragam Rakyat Malaysia, Pertandingan *Spell Word Puzzle* dan beberapa aktiviti kecil yang lain. Bagi tahun 2017, sebanyak 10 aktiviti telah dirancang untuk dilaksanakan. Bengkel Penggunaan Sumber Elektronik akan terus diberi keutamaan dengan menasaskan penglibatan pelajar dan pensyarah. Antara aktiviti yang dirancang adalah seperti Program Bicara Buku, Program 'Door 2 Door', Peraduan Maze Runner dan sebagainya. Secara tidak langsung, para pelajar akan tertarik untuk berkunjung ke perpustakaan dan menggunakan perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan. Disamping itu, penglibatan pegawai dan staf Unit Perpustakaan dalam Jawatankuasa Tugas-tugas Khas turut dilihat bersama-sama warga akademik yang lain memastikan kecemerlangan pelajar dapat dicapai.



HILMY BIN MOHAMED NAJIB
PUSTAKAWAN S44(M)



YUSMILA BINTI ISHAK
PENOLONG PUSTAKAWAN S27/S32
(bertukar keluar ke Kolej Komuniti Masjid Tanah mulai Jun 2016)



ROHAIZAH BINTI EDRIS
PEMBANTU PUSTAKAWAN S22



KAMISIAH BINTI AHMAD
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17
(bertukar keluar ke Kolej Kejururawatan Melaka mulai April 2016)



NUR KHAZIRAH BINTI
ABDULL RAHIM
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19



MOHAMAD KHAIRUL BIN TALIB
PEMBANTU PERPUSTAKAAN S17
(kenaikan gred S27 dan bertukar keluar ke Perpustakaan ILMI, Port Dickson mulai Jun 2016)



AZLIZAH BINTI AZIZ
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19



NORASIKIN BINTI HASAN
PEMBANTU PUSTAKAWAN S19
(bertukar masuk dari Perpustakaan ELTC, Bandar Enstek mulai April 2016)



MOHD RIZUAN BIN MUHAMAD
PEMBANTU OPERASI N11



ROSNANI BINTI MOIDEEN
PEMBANTU OPERASI N11



BIL. 1/2016

LAWATAN KELAB SAHABAT KOLEJ MATRIKULASI NEGERI SEMBILAN

Perpustakaan KMM menerima kunjungan seramai 21 orang pelajar dan pegawai perpustakaan dari KMNS pada 16 Januari 2016 (Sabtu). Lawatan yang diketuai oleh En. Mohd Nasrulhaq, Pustakawan KMNS ini bertujuan menjalinkan ukhuwah di antara Kelab Sahabat KMNS dan Kelab Rakan Pustaka KMM. Para pelajar dan pegawai perpustakaan telah diberi taklimat ringkas mengenai aktiviti dan perancangan perpustakaan bagi tahun 2016. Selain itu juga, rombongan ini turut diberikan jamuan minum pagi bertempat di Café C, KMM. Lawatan berakhir pada jam 11.30 pagi dengan sesi bergambar beramai-ramai sebagai kenang-kenangan.



**KELAB RAKAN PUSTAKA SESI 2015/2016
KOLEJ MATRIKULASI MELAKA**



PENUBUHAN

**KELAB RAKAN PUSTAKA
KOLEJ MATRIKULASI MELAKA**


Kelab Rakan Pustaka telah kembali aktif bagi sesi 2015/2016. Seramai 19 orang pelajar daripada 88 permohonan telah dipilih untuk menganggotai JK Induk Kelab Rakan Pustaka bagi sesi 2015/2016 pada bulan September yang lalu. Pada tahun lepas, sebanyak empat (4) kali mesyuarat Kelab telah diadakan di aras 1, perpustakaan selepas jam 5.00 petang. Pemilihan masa ini dibuat bagi mengelakkan proses P&P pelajar terganggu. Pada tahun ini, mesyuarat Bil. 1/2016 telah diadakan pada 13/1/16 yang membincangkan perancangan aktiviti bagi tempoh 3 bulan akan datang.

STATISTIK RINGKAS

STATISTIK PENGUNJUNG BAGI PEMBUKAAN WAKTU MALAM/SABTU & AHAD 2015 (MINGGU UPS)

HARI	ISN	SEL	RAB	JUM	SAB	AHA
2015*	217	292	416	458	442	557
2016**	250	197	232	311	476	350

GRAF PERBANDINGAN 2015 & 2016



Nota:
Khamis tiada pembukaan malam
*tarikh bermula 3/8 – 9/8/15 **tarikh bermula 18/1 – 24/1/16

KEPIMPINAN PENDIDIKAN PERLU INTRUKSIONAL

PUTRAJAYA: Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid mahu kepimpinan pendidikan di lapangan menjadi pemimpin instruksional yang cemerlang. "Tidak kiralah pemimpin institusi pendidikan, pengetua, guru besar, pengarah institut pendidikan guru, pengarah kolej matrikulasi dan Tingkatan 6 perlu jadi pemimpin instruksional yang cemerlang sekali gus bertindak sebagai ejen perubahan. "Kongsilah amalan terbaik dengan rakan sejawatan dengan menjadi kreatif, inovatif dan berintegriti," katanya pada majlis perutusan Menteri Pendidikan tahun baharu 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) baru-baru ini.



Sumber dari Berita Harian online bertarikh 12 Jan 2016.

PROGRAM

DERMA DARAH ANJURAN UKD




Unit Kemahiran Dinamika, KMM dengan kerjasama Hospital Melaka telah menganjurkan Program Derma Darah pada 22 Januari 2016 dan 24 Jun 2016 bertempat di aras bawah, Perpustakaan. Program tahunan ini telah diselaraskan oleh Puan Safiah binti Ahmad dengan melibatkan penyertaan pelajar, pensyarah dan staf KMM. Kempen ini dilaksana bermula dari jam 11.00 pagi – 5.00 petang (22.1.16) dan 8.00 malam – 1.00 pagi (24.6.16). Program murni seperti ini perlu diteruskan bagi memastikan stok simpanan darah Hospital Melaka sentiasa tersedia bagi keperluan pesakit kritikal dan mangsa kemalangan.



PAMERAN

DAN JUALAN BUKU BAUCAR BUKU 1MALAYSIA

Unit Perpustakaan sekali lagi menganjurkan Pameran & Jualan Buku sempena penyerahan baucar buku 1Malaysia (BB1M) kepada pelajar pada 29 – 31 Mac 2016. Program tahunan ini diadakan bagi memberi peluang pelajar menggunakan baucar buku tersebut untuk mendapatkan bahan bacaan yang diminati. Sebanyak lima pembekal buku dan dua penjual aksesori hp/komputer (belian secara tunai) dijemput untuk mempamer dan menjual produk masing-masing bermula dari jam 10.00 pagi – 4.30 petang bertempat di aras bawah Perpustakaan KMM. Bagi memastikan para pelajar tidak terlepas peluang berkunjung ke jualan buku tersebut, Unit Perpustakaan melanjutkan waktu jualan sehingga jam 6.00 petang.



AKTIVITI

EXPLORACE@LIBRARY KELAB RAKAN PUSTAKA KMM

1



4



2



KETERANGAN GAMBAR

1. Antara checkpoint yang perlu dilalui oleh peserta sebelum ke checkpoint seterusnya 2. AJK Kelab dan peserta bergambar beramai-ramai selepas selesai aktiviti yang dijalankan 3. AJK Kelab bersama Pustakawan berehat dan santai di ruang kerja Unit Perpustakaan 4. Peserta sedang menguji kemahiran membina perkataan di checkpoint Spell Word Puzzle 5. Ruang legar pintu masuk utama perpustakaan dijadikan salah satu lokasi checkpoint 6. Checkpoint Chair Feet yang memerlukan peserta mengimbangi badan dengan menggunakan kerusi sebagai 'kaki' untuk bergerak 7. Checkpoint Efficient Team Building yang mengkehendaki setiap ahli kumpulan bertindak sebagai satu pasukan untuk melakukan satu tugas yang diberikan.

3



“Tiada istilah ‘Tolong Senyap’ di Perpustakaan KMM!”

Kelab Rakan Pustaka KMM telah mengadakan aktiviti *Explorace@Library* pada 19 Mac 2016 (Sabtu) bertempat di dalam dan perkarangan perpustakaan KMM. Seramai 18 AJK Kelab dan 26 pelajar KMM telah terlibat dalam menjayakan aktiviti yang bermula dari jam 8.30 pagi – 1.00 petang. Pelbagai aktiviti telah disediakan yang mana setiap kumpulan perlu melalui *checkpoint* tertentu untuk mengumpul markah. Antara *checkpoint* tersebut adalah *Efficient Team Building*, *Chair Feet*, *Spell Word Puzzle*, *Singing While Counting* dan *Swimming Fishes*.



Sabar menunggu pengumuman pemenang Explorace@Library

Checkpoint Chair Feet

Setiap kumpulan perlu melalui Checkpoint A4 Fishes

Aksi selfie Pengerusi Kelab Rakan Pustaka bersama AJK yang terlibat menjayakan Explorace@Library

Pemenang Tempat Kedua

Pemenang Tempat Pertama

Pemenang Tempat Ketiga



LAWATAN



1 AKADEMIK KE PPAS SHAH ALAM & PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SHAH ALAM



Unit Perpustakaan telah menganjurkan satu lawatan ke Perpustakaan Awam Selangor pada 2 Februari yang lalu bagi melihat sendiri keunikan dan daya tarikan yang terdapat di perpustakaan tersebut. Perpustakaan unik ini dibina atas inisiatif, sumbangan dan idea DYMM Sultan Selangor sendiri. Dalam lawatan ini juga, kami diberikan penerangan mengenai sejarah penubuhan perpustakaan dan dibawa melihat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan. Antara kemudahan yang menarik minat kami adalah Bilik Teater XD/6D yang mana pengunjung diberi peluang merasai pengalaman simulasi pengembaraan XD/6D dengan bayaran RM10 untuk 7 minit.



KETERANGAN GAMBAR
 1. Setiap aras dibezakan dengan tema mural dinding dan warna karpet 2. Sudut IT dan multimedia yang menempatkan komputer jenama Apple 3. Rumah Ngaji juga disediakan dengan kerjasama Kumpulan Karangraf 4. Mengabadikan gambar bersama potret DYMM Sultan Selangor 5. Mural dinding utama di aras bawah 6. Antara koleksi peribadi DYMM Sultan Selangor 7. Sudut santai di bahagian bawah perpustakaan 8. Bahagian ruang bacaan dewasa 9. Teater XD/6D juga turut disediakan dengan bayaran RM10 10. Antara susunatur rak-rak buku yang terdapat di dalam perpustakaan 11. Pandangan dari atas seperti berada di atas kapal persiaran



LAWATAN PENANDARASAN KE PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SHAH ALAM

Unit Perpustakaan juga turut mengadakan lawatan ke Unit Perpustakaan Politeknik Premier Shah Alam pada 2 Februari 2016. Puan Siti Fatimah Abd Wahab, Ketua Unit Perpustakaan telah menyampaikan taklimat berkaitan perpustakaan dan membawa melihat kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan.



PROGRAM

JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) menganjurkan Program Jom Baca Bersama untuk 10 minit bersama-sama Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Awam seluruh Malaysia pada 25 April 2016. Program tahunan ini diadakan sempena sambutan Hari Buku dan Hakcipta Sedunia yang jatuh pada 23 April setiap tahun. Seramai tiga orang staf Unit Perpustakaan menghadiri majlis perasmian yang diadakan di PERPUSTAM yang mana ianya telah disempurnakan oleh Timbalan Exco Pelajaran, Pendidikan Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi, Datuk Md. Rawi Mahmud. Unit Perpustakaan KMM juga tidak ketinggalan melaksanakan program berkenaan walaupun ianya dilaksanakan pada minggu peperiksaan. Staf sokongan dan pelajar yang tidak terlibat dengan peperiksaan dikumpulkan di hadapan bangunan perpustakaan untuk menayakan program ini tepat pada jam 11.00 pagi – 11.10 pagi. Program berkenaan memerlukan peserta yang terlibat membaca apa jua bahan bacaan selama 10 minit. Seramai 12 orang staf sokongan dan 30 pelajar terlibat dalam program tersebut.




Unit Perpustakaan juga turut mengadakan Pameran dan Jualan Buku bereempena kemasukan pelajar baharu semester I Sesi 2016/2017. Pameran ini diadakan bertujuan menyediakan keperluan pelajar untuk mendapatkan buku-buku akademik dan silibus Matrikulasi bagi persediaan mereka memulakan sesi pembelajaran.



PAMERAN

DAN JUALAN BUKU KMM



LAWATAN

PESTA BUKU ANTARABANGSA KL 2016

Unit Perpustakaan menganjurkan lawatan ke Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2016) pada 3 Mei 2016 bertempat di MAEPS Serdang. Seramai 20 staf KMM terlibat dengan program ini yang mana ianya dijalankan semasa cuti semester. PBAKL 2016 kali ini diadakan di MAEPS Serdang berbanding lokasi penganjurannya sebelum ini iaitu di PWTC, Kuala Lumpur. Dengan program sebegini, staf KMM dapat membuat pilihan dan membeli koleksi buku yang diminati dengan harga diskaun yang ditawarkan oleh pembekal buku.

LOKASI

PEPERIKSAAN MUET



Unit Peperiksaan KMM menggunakan Bilik Perbincangan Perpustakaan untuk dijadikan lokasi bagi melaksanakan peperiksaan MUET pada 23 – 25 Februari 2016. Seorang staf Unit Perpustakaan juga terlibat sebagai pengawas bagi memastikan kelancaran peperiksaan MUET tersebut.





BENGKEL



PEMURNIAN BAHAN PDP: BINA BULETIN UPIM

Unit Pendidikan Islam/Moral (UPIM) KMM telah menjemput Pustakawan untuk memberikan taklimat pada 12 April 2016 bertempat di Bilik Laksamana KMM. Sesi percambahan ilmu tersebut menjurus kepada penerbitan Buletin UPIM. Dengan kemahiran yang beliau ada dapat dikongsikan bersama tenaga pengajar UPIM bagi menerbitkan Buletin UPIM keluaran pertama pada semester akan datang.



LOKASI

PROGRAM TEAM MAXEL

Unit Matematik menjadikan bangunan Perpustakaan sebagai salah satu lokasi bagi melaksanakan Program *Team Maxel* bermula 9 Mac sehingga 6 April 2016. Program ini telah berlangsung pada setiap malam Rabu bermula jam 8.00 malam – 10.00 malam.



LOKASI

BENGKEL PEMERIKSAAN SKRIP JAWAPAN



Unit Peperiksaan KMM menggunakan Bilik Perbincangan Perpustakaan untuk dijadikan lokasi bagi melaksanakan peperiksaan MUET pada 23 – 25 Februari 2016. Seorang staf Unit Perpustakaan juga terlibat sebagai pengawas bagi memastikan kelancaran peperiksaan MUET tersebut.



Unit Perpustakaan turut dijemput untuk memeriahkan Karnival Pendidikan Kerjaya dengan menganjurkan Jualan Buku. Sebanyak 5 pembekal telah dijemput bagi mempamerkan buku-buku akademik dan umum. Karnival ini telah berlangsung selama 2 hari iaitu pada 4 & 5 November 2016 bertempat di Dewan Utama KMM.

JUALAN BUKU

SEMPENA KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA




PAMERAN UMUM

SUATU KETIKA...RAGAM HIDUP RAKYAT MALAYSIA



SOROTAN PERISTIWA KEMERDEKAAN



BENGKEL**PEMANTAPAN
PENGURUSAN ASET**

Semasa cuti semester baru-baru ini, semua staf sokongan terlibat dalam Bengkel Pemantapan Pengurusan Aset yang diselenggarakan oleh PEK. Bengkel ini diadakan pada 2 – 5 Februari 2016 yang mana pada hari pertama satu taklimat berkaitan Pengurusan Aset Kerajaan telah diadakan di Dewan Kuliah 1 (DK1). Setiap peserta diberikan tanggungjawab untuk mengenalpasti dan menyenaraikan aset-aset yang didaftarkan dan tidak didaftarkan bagi memudahkan pemantauan aset dilakukan. Bengkel tiga hari berkenaan melibatkan semua staf Unit Perpustakaan yang diberi tanggungjawab untuk mengenalpasti aset-aset yang terdapat di Unit Perpustakaan dan beberapa Unit Akademik. Disamping itu juga, Unit Perpustakaan telah mengasingkan aset untuk tujuan pelupusan.

**BENGKEL****TEAM BUILDING
KUMPULAN SOKONGAN**

Bengkel Team Building diadakan semasa cuti semester pada 11-13 Mei 2016 melibatkan semua staf sokongan.

MAJLIS**PERPISAHAN STAF UNIT**

Unit Perpustakaan telah mengadakan satu majlis ringkas bagi meraikan Puan Kamisiah binti Ahmad, Pembantu Pustakawan S17 yang bertukar ke Perpustakaan Kolej Kejururawatan Melaka mulai 18 April 2016. Beliau telah berkhidmat di Unit Perpustakaan KMM sejak tahun 2007 dan sepanjang tempoh berkenaan beliau terlibat dalam proses pengkatalogan bahan perpustakaan. Semoga dengan kemahiran dan pengalaman yang ada, beliau dapat menguruskan perpustakaan di Kolej Kejururawatan Melaka dengan cemerlang.



Unit Perpustakaan juga telah mengadakan majlis perpisahan ringkas bagi meraikan Puan Yasmila Ishak, Penolong Pustakawan S27 yang bertukar ke Kolej Komuniti Masjid Tanah dan En. Mohamad Khairul Ramli, Pembantu Pustakawan S17 yang bertukar ke Perpustakaan ILMI, Port Dickson dengan kenaikan grad S27. Kedua-dua staf berkenaan bertukar ke tempat baharu berkuatkuasa 8 Jun 2016..



Majlis

SAMBUTAN AMBANG MERDEKA

PROGRAM MATRIKULASI KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KOLEJ MATRIKULASI MELAKA



SAMBUTAN

AMBANG MERDEKA PROGRAM MATRIKULASI KPM & MESYUARAT PENGARAH-PENGARAH KOLEJ MATRIKULASI

KMM buat julung-julung kalinya diberi tanggungjawab menjadi tuan rumah bagi penganjuran Sambutan Ambang Merdeka Tahun 2016 peringkat Program Matrikulasi Kementerian Pendidikan Malaysia. Majlis ini telah diserikan dengan kehadiran Ybhg. Datuk Sri Khairil bin Hj. Awang, TKPPM, Timbalan Pengarah Bahagian Matrikulasi, Pengarah-pengarah Kolej Matrikulasi dan Pegawai-pegawai Kanan BM ke KMM pada malam ambang sambutan kemerdekaan pada 30 Ogos 2016 bertempat di Dataran Perdana, KMM. Para pelajar turut disajikan dengan tayangan wayang pacak bertajuk 'Tanda Putera di bawah kelolaan BTN. Sebelum berlangsungnya majlis sambutan tersebut, Timbalan Pengarah BM dan semua Pengarah-pengarah Kolej Matrikulasi telah menghadiri Mesyuarat Pengarah-pengarah Kolej Matrikulasi pada 28-30 Ogos 2016 bertempat di Bilik Mesyuarat Perdana, KMM. Disamping itu, Pustakawan telah diberikan tanggungjawab sebagai Ketua JK Buku Program dan menyediakan *backdrop* pentas bagi majlis berkenaan.





LOKASI PENDAFTARAN

PELAJAR BAHARU SEMESTER I SESI 2016/2017




Pendaftaran Pelajar Baharu bagi sesi 2016/2017 telah diadakan pada 07 Jun 2016. Lokasi pendaftaran untuk pelajar lelaki dkekalkan iaitu di bangunan Unit Perpustakaan bagi melancarkan dan mempercepatkan pendaftaran pelajar. Selain itu, lokasi ini berdekatan dengan asrama pelajar lelaki dan secara tidak langsung, proses pendaftaran pelajar akan menjadi singkat dan tempoh masa menunggu ahli keluarga pelajar dapat dipendekkan. Pustakawan dan semua staf Perpustakaan terlibat dalam pendaftaran pelajar ini.

KOLEKSI BUKU BAHARU AWAL TAHUN 2016




KOLEKSI BUKU BAHARU SUMBANGAN PEMBEKAL BUKU – BB1M

Dalam usaha menambahkan koleksi perpustakaan dengan koleksi terbaharu, Unit Perpustakaan telah memohon setiap pembekal buku yang terlibat dalam menjayakan Pameran & Jualan Buku BB1M pada 29-31 Mac 2016 yang lalu untuk menyumbangkan buku-buku terkini kepada perpustakaan. Sebanyak 30 naskah buku baharu dengan nilai RM650.00 diperolehi oleh Unit Perpustakaan sepanjang 3 hari jualan buku tersebut berlangsung.



KOLEKSI BUKU BAHARU

SUMBANGAN PEMBEKAL BUKU – KARNIVAL PENDIDIKAN KERJAYA



SENARAI BUKU BAHARU

PEMBELIAN AKAUN AMANAH

1. MAHATHIR MOHAMAD (Ilustrasi)
2. BUSINESS LAW, 2nd. Ed
3. OXFORD COLLOCATIONS DICTIONARY: FOR STUDENTS OF ENGLISH
4. KAUNSELING KERJAYA: ANJAKAN DARIPADA KONVENSIIONALISME
5. CHALLENGING ESSAYS AND COMPOSITIONS: RESEARCHED AND CREATIVE ESSAY FOR UPPER SECONDARY STUDENTS
6. MALAYSIAN ECONOMY
7. EFFECTIVE PRACTICE: MUET
8. DIARI MUSAFIR: JANGAN BERHENTI BERLARI
9. UNTUK KITA PENDOSA: HARAPAN SELALU ADA
10. DASYATNYA DOA IBU
11. MEMBONGKAR MISTERI DAJJAL
12. U-TURN KE JALAN LURUS
13. MUNGKINKAH INI SOLAT TERAKHIRMU?
14. BERSYUKUR SAAT DIUJI
15. BUKTI-BUKTI SAINS & SEJARAH KERASULAN MUHAMAD
16. PENYELEWENGAN TINGKAH LAKU REMAJA : PUNCA & RAWATAN
17. TENTANG CINTA
18. MENGINOVASI MASJID: MENSEJAHTERA UMMAH
19. SOAL JAWAP REMEH-TEMEH TENTANG SOLAT: TAPI ANDA MALU BERTANYA

MPH Publishing
 Oxford University Press
 Oxford University Press
 UKM

Crescent News
 Oxford University Press
 Oxford Fajar
 Galeri Ilmu Sdn Bhd
 PTS Millennia Sdn Bhd
 PTS Millennia Sdn Bhd
 Hijjaz Records Publishing
 Galeri Ilmu Sdn Bhd
 Galeri Ilmu Sdn Bhd
 Galeri Ilmu Shd Bhd
 PTS Millennia Sdn Bhd
 Universiti Teknologi Malaysia
 Telaga Biru
 Universiti Teknologi Malaysia

Telaga Biru



STATISTIK UNIT PERPUSTAKAAN

PERBANDINGAN TAHUN 2015 & 2016

STATISTIK PERPUSTAKAAN 2015

PERKHIDMATAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OG	SEP	OKT	NOV	DIS
Ahli Baru						2,201						
Pengunjung	8,462	3,798	8,504	15,050	-	17,687	11,089	11,236	10,283	18,953	4,124	8,092
Pinjaman buku	247	217	228	82	-	560	411	456	310	417	19	24
Pengguna Cybernet	315	568	660	327	-	296	118	51	109	102	69	334
Penggunaan bilik perbincangan	26	8	9	367	-	99	41	4	25	772	-	64

Jumlah Keseluruhan Tahun 2015 –	Kumulatif Koleksi (buku)*	- 44,913 unit
	Pengunjung	- 117,278
	Pinjaman Buku	- 2,971
	Penggunaan Cybernet	- 1,939
	Penggunaan Bilik Perbincangan	- 1,365

*jumlah terkumpul dari tahun-tahun terdahulu

STATISTIK PERPUSTAKAAN 2016

PERKHIDMATAN	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OG	SEP	OKT	NOV	DIS
Ahli Baru						1,981						
Pengunjung	8,208	3,342	8,310	16,367	-	15,562	9,123	14,678	9,688	11,017	16,650	5,020
Pinjaman buku	251	116	211	13	-	818	377	410	300	169	102	340
Pengguna Cybernet	160	137	379	166	-	123	164	387	234	120	34	35
Penggunaan bilik perbincangan	55	14	129	229	-	243	61	171	115	85	485	0

Jumlah Keseluruhan Tahun 2016 –	Kumulatif Koleksi (buku)*	- 45,058 unit
	Perolehan Buku Tahun Semasa (2016)**	- 145 unit
	Pengunjung	- 117,965
	Pinjaman Buku	- 3,107
	Penggunaan Cybernet	- 1,712
	Penggunaan Bilik Perbincangan	- 1,587

*jumlah terkumpul dari tahun-tahun terdahulu

**perolehan secara sumbangan pembekal/pelajar/pensyarah & akaun amanah

SENARAI KURSUS STAF

NAMA STAF	KURSUS/BENKEL/SESI PEMBELAJARAN	ANJURAN	TARIKH	BIL. HARI
HILMY BIN MOHAMED NAJIB	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	KMM	2-5.3.16	4
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA TASKFORCE PENILAIAN TENDER KAWALAN KESELAMATAN TANPA SENJATA KE SEKOLAH	KMM	11-13.5.16	3
	EPISA : AMALAN 5S	BMKPM INTAN	18-20.7.16	3
	EPISA : AUDIT DALAM PERSEKITARAN BERKUALITI 5S	INTAN	26.01.16	2
ROHAIZAH BINTI EDRIS	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	KMM	03.03.16	3
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA	KMM	2-5.3.16	4
	BENKEL PEMBENTUKAN KIK / JK KIK KMM	KMM	11-13.5.16	3
NUR KHAZIRAH BINTI ABDULL RAHIM	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	KMM	12-13.7.16	2
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA	KMM	2-5.3.16	4
	BENKEL PERSEDIAAN AUDIT DALAMAN	KMM	11-13.5.16	3
AZLIZAH BINTI AZIZ	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	KMM	18.02.16	1
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA	KMM	2-5.3.16	4
NORASIKIN BINTI HASAN	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	KMM	11-13.5.16	3
	KURSUS DIVE INTO BIG DATA (SKILL & TECH ENRICHMENT PROGRAMME)	KMM	28.01.2016	1
	KURSUS PEMANTAPAN INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM & SEMINAR EKSA	ELTC	04.03.16	1
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA KURSUS KESELAMATAN & KECEMASAN PEKERJAAN – ASAS RAWATAN KECEMASAN & GANGGUAN MAKHLUK HALUS	KMM	11-13.5.16	3
	SESI PERJUMPAAN STAF BERSAMA PENGARAH ELTC & TAKLIMAT PENGURUSAN	LUAR KPM	31.05.16	1
MOHD RIZUAN BIN MUHAMAD	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	ELTC	05.01.16	1
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA	KMM	2-5.3.16	4
ROSNANI BINTI MOIDEEN	BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET	KMM	11-13.5.16	3
	KURSUS BERPASUKAN ANGGOTA PELAKSANA	KMM	2-5.3.16	4

KEHADIRAN CAHAYAMATA BAHARU

Staf Unit Perpustakaan merakamkan ucapan tahniah kepada Puan Nur Khazirah, Pembantu Pustakawan yang selamat melahirkan anak ke-4 pada 15.9.2016 di Hospital Melaka. Puteri comel Khazirah dan Mohd Azam ini telah dinamakan Qaseh Mikayla Zhafira. Semoga kehadiran cahayamata ini terus memberikan keceriaan dan kebahagiaan kepada keluarga Nur Khazirah.



JAMUAN AKHIR TAHUN STAF UPS



Unit Perpustakaan telah mengadakan satu jamuan makan bersempena kemenangan hadiah saguhati Pertandingan Sudut PPPM 2013-2015 di Restoran Api-Api, Taman Legenda Melaka pada 9.12.2016. Semua staf UPS dan 2 staf dari unit Makmal dan HEP telah dijemput sebagai tanda penghargaan di atas kerjasama dan bantuan yang diberikan sepanjang tahun 2016.



Tajuk Pangkalan Data:
National Geographic Virtual Library & Kids

National Geographic Virtual Library & Kids menyediakan rujukan e-majalah daripada semua keluaran National Geographic bermula pada tahun 1888. Antara maklumat yang terkandung di dalam National Geographic Virtual Library ialah National Geographic Magazines Archives 1888 – 1994, National Geographic Magazine Archive 1995 – current, National Geographic, People, Animal and the World dan National Geographic for Kids. Pangkalan Data National Geographic ini juga menyediakan maklumat dalam bentuk video, imej dan animasi yang sesuai untuk semua pengguna dewasa dan kanak-kanak yang merangkumi 225, 000 muka surat, 1425 keluaran, 100,000 imej dan 600 peta.



Tajuk Pangkalan Data:
Mango Language

Pangkalan Data **Mango Language** merupakan perkhidmatan pangkalan data berkonsep e-pembelajaran di mana ia mengkhusus kepada pembelajaran bahasa secara interaktif dan multimedia.



Tajuk Pangkalan Data:
World Almanac Online & Kids

World Almanac Kids & Online menyediakan sumber rujukan yang berguna kepada pelbagai golongan masyarakat. Maklumat yang disediakan di dalam World Almanac Kids & Online ialah daripada Infobase Publishing iaitu salah satu penerbit terkemuka yang berpangkalan di Amerika Syarikat sejak tahun 1941. Terdapat lebih daripada 3,000 tajuk yang terdiri daripada pelbagai bidang perkara yang boleh dirujuk oleh pengguna. Pangkalan data ini mengandungi dua kategori maklumat iaitu World Almanac Online dan World Almanac for Kids.



Tajuk Pangkalan Data: Travel 42

Travel 42 menyediakan sumber maklumat setempat tentang pelancongan di seluruh dunia. Maklumat yang terkandung dalam Travel 42 merangkumi 5,700 laporan destinasi pelancongan seluruh dunia, 10,000 ulasan hotel seluruh dunia dan 4,000 jadual kapal pelayaran di seluruh dunia, 1,500 pelabuhan persinggahan kapal pelayaran dan perkhidmatan Travel Agency.



Tajuk Pangkalan Data : Zinio

Zinio adalah pangkalan data e-magazine yang menyediakan akses kepada kandungan majalah luar negara yang boleh dimuat turun secara kekal oleh pengguna. Kandungan e-majalah yang terdapat di dalam pangkalan data Zinio ialah e-majalah dalam pelbagai bidang perkara seperti Art & Photo, Automative, Business, Children Craft, Parenting dan sebagainya. Jumlah keseluruhan majalah yang terdapat di dalam pangkalan data Zinio ialah sebanyak 1,351 judul.

Daftar dahulu keahlian (rujuk panduan pendaftaran di dalam portal berkenaan)



Tajuk Pangkalan Data : PNM E-Lib

PNM E-Lib merupakan pangkalan data ebook tempatan yang sesuai untuk semua pengguna. Pangkalan data ini menyediakan akses kepada 3,500 judul ebook tempatan daripada pelbagai bidang perkara dan daripada penerbit tempatan yang terkemuka. Antara bidang perkara yang terdapat di dalam pangkalan data PNM E-Lib ini ialah agama, bahasa, autobiografi dan biografi, hiasan rumah, jenayah dan pelbagai lagi judul ebook yang boleh dipinjam oleh pengguna secara dalam talian.



Tajuk Pangkalan Data:
Encyclopedia Britannica Online (EBO)

EBO adalah pangkalan data yang menyediakan pelbagai sumber maklumat terkini, relevan serta sahih yang boleh digunakan untuk menyokong pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat. Kandungan yang terdapat di dalam pangkalan data ini ialah sebanyak 133,000 artikel, 77,600 imej, 700,000 jurnal dan 14,700 video and animation.



Tajuk Pangkalan Data: Overdrive

Overdrive menyediakan kandungan ebook yang boleh dipinjam oleh pengguna secara dalam talian. Kandungan keseluruhan ebook yang dilanggan ialah sebanyak 1,118 buah yang merangkumi pelbagai bidang perkara seperti Fiksyen, Non-fiksyen, Kesenian, Perniagaan, Komputer dan Teknologi, Kesihatan dan Kecergasan, Bahasa, Sejarah, Perundangan, Politik, Motivasi, Pelancongan, bacaan remaja dan dewasa. Selain daripada ebook, pengguna juga boleh mengakses kandungan Audio Book dalam bidang terpilih yang terdapat di dalam pangkalan data Overdrive.



Tajuk Pangkalan Data: Library Press Display

Library Press Display merupakan pangkalan data e-News yang menyediakan akses rujukan secara dalam talian kepada 3,000 kandungan surat khabar dan majalah daripada lebih 100 buah negara di dunia merangkumi 60 bahasa utama yang digunakan di seluruh dunia.

✓ username:
nlm@library.pressdisplay.com
✓ Password : welcome



World e-Book Library

World eBook Library adalah pangkalan data e-book terbesar yang dilanggan oleh Perpustakaan Negara Malaysia. Pangkalan data ini sesuai digunakan oleh semua pengguna perpustakaan dari pelbagai golongan. Pangkalan data ini mempunyai pelbagai kategori maklumat iaitu Academic eBook Collection sebanyak 4,750,760, eBook Library Collection sebanyak 2,851,420, eBook Graphic Novel Collection sebanyak 11,459 ebook, kandungan Journal and Magazine Collection iaitu sebanyak 17,712 ebook dan Audio Book Collection sebanyak 124,546 audio book dalam format MP3 yang boleh diakses secara dalam talian oleh pengguna.

CARA-CARA MENGAkses PANGKALAN DATA

1. Akses laman web www.pnmdigital.gov.my
2. Sila daftar sebagai ahli di 'Mendaftarlah Sekarang' dan anda terima emel menyatakan pendaftaran anda berjaya.
3. Pada ruangan Login Status, masukkan No. Kad Pengenalan dan Password (katalaluan adalah dari emel yang anda terima)
4. Setelah berjaya masuk, anda akan lihat senarai pangkalan data pada ruangan 'Untuk Ahli Berdaftar'. Anda boleh memilih mana-mana pangkalan data yang diminati.
5. National Geographic & Kids
 - ✓ Klik logo
 - ✓ Password : unique
6. World Almanac for Kids
 - ✓ Klik logo
 - ✓ Login : malaysian1
 - ✓ Password : digital
7. Travel 42
 - ✓ Klik logo
 - ✓ Login : travel42pnm1
 - ✓ Password : user1
8. PNM e-Lib
 - ✓ Klik logo
 - ✓ Daftar dahulu keahlian (rujuk panduan pendaftaran di dalam portal berkenaan)



SUDUT LENZA



**Majlis Persaraan Pn. Norizah Jantan,
Majlis Sambutan Hari Raya 2016 &
Hari Kualiti KMM 2016**

